

---

**PRESS RELEASE**  
**NATIONAL RADIO FREQUENCY IDENTIFICATION (RFID) SEMINAR**  
**EMPIRE HOTEL AND COUNTRY CLUB**  
**BRUNEI DARUSSALAM**  
**22<sup>hb</sup> MEI 2007**

---

Bandar Seri Begawan, 22hb Mei 2007 – Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) bersama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan Syarikat Komputer John Harith telah mengadakan Seminar Kebangsaan ‘Radio Frequency Identification (RFID)’ yang pertama di Dewan Indera Kayangan di Empire Hotel dan Country Club Jerudong.

Seminar ini dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran dalam pelbagai jenis aplikasi teknologi RFID dan menggalakkan penggunaannya di Brunei Darussalam. Seminar ini juga diadakan bersempena dengan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia pada 17hb Mei 2007 dengan tema ‘*Connecting the young: the opportunities of ICT*’.

Majlis pembukaan rasmi Seminar RFID ini di rasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan. Turut hadir dimajlis tersebut ialah Yang Mulia Dato Paduka Haji Yusoff bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Perhubungan, Yang Mulia Awg Haji Ibrahim bin Haji Mohd Ali, Ketua Eksekutif, AITI dan Yang Mulia Awg Haji Murni bin Haji Mohamed, Timbalan Pegawai Ketua Eksekutif, BEDB. Seramai 100 peserta telah menyertai seminar ini dari agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta.

Lima penceramah antarabangsa dari ‘Pentamaster Information Technology Berhad Malaysia’, ‘Logistic Institute Asia Pacific (Singapore)’, ‘IER Singapore’, ‘RCG Malaysia’ dan ‘Motorola’ telah diundang untuk memberi taklimat dalam seminar ini.

Satu pameran aplikasi teknologi RFID juga diadakan untuk orang ramai oleh AITI, BEDB dan RCG Malaysia, Syarikat Komputer John Harith, Pentamaster dan Motorola.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web [www.aiti.gov.bn](http://www.aiti.gov.bn)

***“An excellent National Technology Event organised by the Government of Brunei Darussalam to ‘spring board’ and inspire Brunei Technopreneuers towards adopting and innovating RFID technology as part of their business portfolio.” – Kumar Ramasamy, Chief Technical Officer, Pentamaster Information Technology Berhad, Penang Malaysia***

***“Good to have this kind of awareness seminar in a relatively low RFID adoption rate region like SEA, whereby the technology is an essential element which could help in economy growth and the nation progress.”***  
– Mr. Mike Lim, Engineering Director, RGC Malaysia